

MENELUSURI SEJARAH HAJI ERA KAPAL LAUT MELALUI PENDEKATAN SEJARAH LISAN

(TRACING THE HISTORY OF HAJJ DURING THE SEA VOYAGE ERA THROUGH AN ORAL HISTORY
APPROACH)

MASLAN @ BAHARUDIN, A.

*Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia.
e-mail: aizamaslan[at]usm.my*

(Received 01st May 2026; revised 20th May 2026; accepted 28th May 2026)

Abstrak. Sejarah dan warisan haji era kapal laut merupakan khazanah bangsa dan negara yang cukup lama dan amat bernilai kepada masyarakat. Malang sekali, sejarah dan warisan ini kian hilang seiring dengan hilangnya pelaku sejarah yang merupakan saksi mata tentang peristiwa yang berlaku. Kajian ini bertujuan menyoroti pengkisahan serta memori mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan hal ehwal haji yang tidak terdapat dalam dokumen-dokumen rasmi. Kajian ini juga akan mengetengahkan peluang serta cabaran yang dihadapi dalam usaha menelusuri sejarah dan warisan haji era kapal laut. Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah lisan, iaitu kaedah temubual separa berstruktur. Responden yang terpilih merupakan mereka yang pernah terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan pelaksanaan haji era kapal laut. Hasil kajian mendapati bahawa kesaksian yang dibuat secara lisan oleh mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan peristiwa pelaksanaan ibadah haji era pelayaran kapal laut merupakan sumber penting pengetahuan tentang masa lalu yang tidak tercatat dalam dokumen-dokumen rasmi. Ianya juga bertindak sebagai sarana penting bagi memahami nilai, budaya dan pemikiran masyarakat pada zaman yang berbeza.

Katakunci: *haji, era kapal laut, sejarah lisan, orang Melayu, budaya dan pemikiran*

Abstract. The history and heritage of the Hajj during the sea voyage era constitute a long-standing national treasure that is highly valuable to society. Unfortunately, this history and heritage are gradually disappearing with the passing of historical actors who served as eyewitnesses to the events that took place. This study aims to highlight the narratives and memories of those who were directly and indirectly involved in Hajj affairs, which are not found in official documents. This study also examines the opportunities and challenges encountered in tracing the history and heritage of the Hajj during the sea voyage era. This study employs an oral history approach through semi-structured interviews. The selected respondents consist of individuals who were directly and indirectly involved in the implementation of the Hajj during the sea voyage era. The findings indicate that oral testimonies provided by those directly and indirectly involved in the performance of the Hajj during the sea voyage era constitute an important source of knowledge about the past that is not recorded in official documents. They also serve as an important means of understanding the values, culture, and thinking of society in a different historical period.

Keywords: *haji, sea voyage era, oral history, Malay people, culture and thought*

Pengenalan

Pemergian umat Islam menunaikan ibadah haji ke Makkah membentuk mobiliti manusia terawal dalam sejarah umat manusia sebelum era penjajahan Eropah. Kedudukan ibadah haji yang dianggap sangat penting dalam kehidupan beragama umat Islam menyebabkan pelbagai kajian yang memfokuskan kepada ibadah haji dilakukan oleh para sarjana tempatan dan daripada luar. Dalam konteks ini, antara tulisan terawal yang menyentuh sejarah haji orang Melayu ialah tulisan Majid (1926) dengan membahaskan tentang persediaan yang dilakukan oleh orang Melayu dari segi persiapan

kewangan sehinggalah kepada keadaan di Tanah Suci Makkah. Meskipun kajian sudah awal dijalankan, namun naratif berkaitan pengalaman peribadi mereka yang terlibat serta mengalami sendiri peristiwa berkaitan penunaian ibadah haji ke Makkah khususnya semasa era kapal laut sangat kurang menjadi fokus kajian saintis sosial dan kemanusiaan pada masa kini.

Keperluan untuk mendapatkan “memori kolektif” berkaitan sejarah haji ditemukan dalam penulisan Tagliacozzo (2013) yang menegaskan bahawa meskipun rekod zaman kolonial penting dalam penyelidikan haji, tetapi ‘*the lived history of the pilgrimage from the inside*’ semestinya berbeza dan istimewa (2013: 271–272). Selain itu, kajian Salleh dan Musa (2016) serta Adnan (2011) turut menggunakan pendekatan sejarah lisan dengan memfokuskan kepada perniagaan haji di Lebuah Aceh. Sementara itu, kajian yang lebih terkini menggunakan pendekatan sejarah lisan dalam kajian sejarah haji dilakukan oleh Musa et al. (2018) menerusi ‘*Oral History Project: Penang's Hajj Heritage during the Sea Transportation Era*’ yang menumpukan perbincangan kepada tiga tema penting, iaitu ruang tempatan, pelayaran dan destinasi. Justeru, penulisan ini bertujuan meneruskan usaha mengumpul dan mendokumentasi sejarah haji era kapal laut dengan menggunakan pendekatan sejarah lisan iaitu menggunakan kaedah temu bual bagi merakam serta merekod penceritaan dan pengalaman unik pelaku sejarah atau saksi mata yang mengalami atau yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan peristiwa bersejarah tersebut.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan memfokuskan kepada metodologi sejarah lisan. Dalam konteks ini, sejarah lisan merupakan salah satu metod menginterogasi peserta dalam komuniti yang terlibat mengenai sesuatu peristiwa sejarah yang masih dapat diingati. Makanya, Vansina (1985) sebagai seorang pendukung metod kelisanan berpendapat bahawa metod sejarah lisan penting untuk menyelamatkan sumber sejarah daripada hilang sepenuhnya. Tidak dinafikan bahawa dalam kajian sejarah haji orang Melayu terdapat pelbagai bentuk dokumen rasmi yang memberikan sumber maklumat yang cukup luas. Walau bagaimanapun, pengalaman serta memori yang mewakili rakyat kebanyakan tidak direkodkan menyebabkan suara dan perspektif mereka tidak diketahui. Oleh sebab itu, kehadiran metod sejarah lisan menjadi sangat penting kerana membuka ruang kepada pelaku sejarah untuk berkongsi kenangan dan pengalaman haji (Osman, 1982).

Metodologi sejarah lisan dikendalikan oleh pengkaji dengan turun ke lapangan bagi mendapatkan data melalui kaedah temu bual bersemuka. Secara umumnya, pengkaji menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur, sekaligus membolehkan soalan yang sudah ditentukan boleh diubah kedudukan soalan dan ayatnya semasa temu bual berlangsung (Robson, 2024). Makanya, sepanjang proses temu bual berlangsung, soalan yang telah disediakan boleh diabaikan atau ditambah secara spontan kepada informan bagi membolehkan pengkaji mendapatkan penjelasan yang lebih mendalam. Perkara tersebut memberikan autonomi dan kelenturan kepada pengkaji dalam pengendalian proses temu bual. Kaedah ini juga membuka ruang kepada informan terlibat untuk menjawab soalan secara bebas dan santai serta berkongsi cerita tentang pengalaman, perasaan serta pandangan peribadi mengikut keselesaan mereka menerusi komunikasi dua hala (Bryman, 2016). Keadaan ini selari dengan pandangan Seidman (2006) yang

menegaskan bahawa apabila seseorang individu bercerita, beliau dalam keadaan sedar akan memilih maklumat terperinci daripada pengalaman mereka.

Semasa kajian ini dijalankan, pemilihan informan yang bersifat saksi mata atau mereka yang mengalami sendiri peristiwa haji atau mereka yang pernah menyaksikan sendiri suasana pemergian haji orang Melayu semasa era kapal laut sangat sukar untuk dilakukan. Meskipun begitu, pengkaji berjaya mengenalpasti informan melalui maklumat yang dikongsikan oleh masyarakat setempat dan penelitian maklumat yang dikongsikan oleh individu perseorangan di dalam Facebook seperti kumpulan Malaysiaku Dulu Dulu Official dan Peminat Gambar-gambar Lama dan Klasik. Individu yang berkongsi maklumat seperti pasport haji dan gambar berkaitan pemergian haji era kapal laut akan dihubungi melalui messenger, tetapi tidak semua individu yang dihubungi memberikan jawapan balas. Mereka yang memberikan maklum balas menyatakan kesediaan untuk ditemu bual dan berkongsi maklumat akan dihubungi melalui telefon dan satu sesi pertemuan dengan individu terbabit akan diatur oleh pengkaji.

Bilangan informan adalah sangat kecil kerana kesukaran untuk mendapatkan pelaku sejarah yang mempunyai pengalaman yang diperlukan. Walau bagaimanapun, melalui rakaman memori pengalaman informan berkaitan membolehkan banyak maklumat baharu yang tidak terdapat dalam catatan rekod rasmi berjaya diperoleh. Perkara tersebut selari dengan penegasan Musa et al. (2018) bahawa sejarah setiap masyarakat bermula dengan sejarah lisan sebelum kepentingannya diambil alih oleh dokumen dan rekod. Kajian lapangan ini dilakukan secara berperingkat dan memakan masa yang cukup panjang iaitu bermula pada bulan Disember 2005 sehingga kini (2024) kerana kesemua responden dikenal pasti secara bertahap. Pada kebiasaannya, proses temu bual yang dijalankan mengambil masa lebih kurang 1 hingga 2 jam bagi setiap informan kerana tempoh ini bersesuaian dengan objektif temu bual yang memerlukan responden menyusun semula penceritaan berdasarkan pengalaman mereka (Seidman, 2006). Proses ini juga banyak bergantung kepada keupayaan informan untuk memberikan maklum balas terhadap soalan yang dikemukakan. Sekiranya responden merupakan seorang individu yang pandai bercerita, tempoh temu bual akan menjadi panjang, tetapi sekiranya responden kurang pandai bercerita, maka tempohnya lebih singkat.

Setiap informan akan terlebih dahulu dimaklumkan berkenaan aktiviti penyelidikan yang akan dijalankan. Pada masa sama, mereka turut dijelaskan bahawa maklumat, data, dokumen yang dikongsikan semasa temu bual dijalankan akan digunakan dalam pelbagai bentuk hasil penyelidikan seperti penulisan, dokumentari, syarahan dan sebagainya bagi membolehkan mereka membuat keputusan untuk terlibat atau tidak dalam temu bual yang diaturkan. Pada hari kejadian, pengkaji sekali lagi meminta persetujuan informan untuk melakukan temu bual dan kesemua mereka telah menyatakan persetujuan setelah memahami prosedur yang akan dijalankan. Pada peringkat awal kajian dilakukan, pengkaji tiada pengetahuan langsung tentang prosedur sebenar pelaksanaan metodologi sejarah lisan. Justeru, pelbagai kelemahan wujud dalam pelaksanaan kajian antaranya pengkaji tidak bersedia dengan sebarang peralatan audio dan kamera bagi tujuan rakaman, sebaliknya hanya bergantung sepenuhnya kepada catatan di buku nota mengenai semua maklumat yang dikongsikan oleh informan. Perkara ini menyebabkan pengkaji tidak boleh mendengarkan semula rakaman dan tidak mempunyai sebarang gambar, sebaliknya hanya berpuas hati dengan bergantung sepenuhnya kepada catatan yang dibuat ketika temu bual berlangsung.

Walau bagaimanapun, pengalaman tersebut telah mematangkan pengkaji bagi proses serta prosedur kajian yang dilakukan pada peringkat berikutnya. Sebelum memulakan kajian, pengkaji meminta izin untuk membuat rakaman temu bual menggunakan telefon pintar dan peralatan audio seperti MP4 supaya tidak ada data yang tercicir sepanjang berlangsungnya temu bual. Selain itu, rakaman video juga dilakukan kerana melalui rakaman video, perbezaan emosi serta ekspresi muka responden ketika menceritakan pengalaman dapat dirakamkan. Hasil temu bual kemudiannya akan melalui proses transkripsi yang juga memakan masa sekitar seminggu ke dua minggu untuk disiapkan. Proses ini juga mempunyai cabarannya yang tersendiri kerana sesetengah responden mempunyai dialek mereka yang tersendiri terutamanya dialek utara. Perkara ini selari dengan Seidman (2006) yang menegaskan agar pengkaji sendiri mentranskripsi semua rakaman audio yang mengandungi temu bual dengan informan bagi memudahkan analisis data dilakukan.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Pengaplikasian metod sejarah lisan membolehkan pengkaji berjaya mendokumentasi memori serta pengalaman yang dilalui oleh saksi mata yang mengalami sendiri atau terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan peristiwa haji semasa era kapal laut. Hasil dapatan kajian ini memungkinkan pengkaji menelusuri sejarah haji era kapal laut, sekaligus mengumpul maklumat berkaitan personaliti, peristiwa serta pengalaman unik yang dialami oleh setiap informan. Meskipun begitu, penulisan ini hanya mengetengahkan sebahagian daripada dapatan yang diperoleh daripada kajian sejarah lisan yang dijalankan.

Pengalaman bertugas sebagai Steward Kapal Haji

Shaari Ahmad dilahirkan pada 12 Disember 1952 di Langkawi, Kedah. Beliau berpengalaman berkhidmat sebagai steward kapal haji ketika berusia sekitar 20 tahun. Peluang untuk bekerja di atas kapal haji ketika itu diuruskan oleh Persatuan Belia 4B kerana keaktifan dirinya. Kapal haji pertama tempat beliau bertugas ialah Malaysia Raya yang diuruskan oleh *The Great Malaysia Line* yang memajak kapal berkenaan daripada sebuah syarikat di Hong Kong. Selain Malaysia Raya, *The Great Malaysia Line* turut menguruskan dua buah kapal haji yang lain iaitu Malaysia Kita dan Ratu Timur. Tugas beliau sebagai *steward* menyebabkan dirinya bertanggungjawab terhadap penginapan jemaah haji iaitu bilik kelas saloon 1, 2 dan 3 serta penyediaan makanan jemaah haji di restoran dalam kapal. Beliau bagaimanapun tidak terlibat dengan jemaah haji di kelas dek yang dikendalikan oleh kru kapal haji yang lain. Pengalaman yang dimilikinya ini dinyatakan seperti berikut:

“Saloon tu kira macam kelas 1, 2, 3 lah, macam dek tadi kelas ekonomi...Saloon 1, 2, 3, tadi ni atau A, B, C ni dia berbentuk bilik. Di mana ada kalau tak tingkap pun ada lubang yang dipanggil kohong yang ada cermin tu untuk tengok. Kalau dek tu memang di bawah kapai...Kalau tak salah saya Malaysia Raya ni ada 6 tingkat...Kelas saloon di tingkat kedua hingga keenam..keseluruhan penumpang antara 1800 ke 2000 dalam satu-satu perjalanan. Kalau dek tadi dia bukan satu dek dia ada banyak dek dia panggil petak. Dalam petak tu dalam satu-satu petak yang besaq tu sampai dalam 80 orang. Ada la petak tu nama dia pisang, manggis aaa Kampung Pisang, Kampung Manggis, Kampung Durian”

(Temu bual dengan Shaari Ahmad pada 14 April 2018)

Pengalaman sebagai Badal Haji

Dilahirkan pada tahun 1945 di Tanjong Tokong, Pulau Pinang, Abdul Aziz Wahab yang dibesarkan di sekitar kawasan Lebuh Aceh dan pernah menyewa di rumah No. 67 dan 73, Lebuh Aceh telah berkhidmat sebagai badal haji seawal usianya 27 tahun kepada syeikh haji Ali al-Mufathal yang merupakan seorang syeikh haji tersohor di Pulau Pinang semasa era kapal laut. Pengalaman yang dimilikinya ini dinyatakan seperti berikut:

“Saya bertugas sebagai...saya pembantu Pak Tuan ni boleh kata banyak la kerja saya dengan Pak Tuan ni. Apa yang Pak Tuan suruh saya buat. Semua segi saya buat. Saya pi hantar orang, ambik orang, bagi makan orang, jaga tempat duduk orang. Semua saya. Saya akan uruskan semua. Pak Tuan dia tak payah buat apa. Dia cuma mai tanya, amacam Aziz, ok ke semua? Ok, itu saja. Dia hanya memantau. Duit hang mau berapa banyak hang cakap...rumah, bilik-bilik semua tu saya akan jaga. Bila nak pi ambil orang haji di..bila Pak Tuan nanti bagitahu saya, Aziz..ha hari ni orang sampai..orang Kelantan akan sampai. Aziz kena pi di keretapi..di seberang nu. Saya pun tuju bulat pi sana. Pi tunggu depa, di sini siap dah...siap beca dah..beca semua saya standby dah...untuk nak bawa depa mai di sini. Nasi-nasi semua dah siap dah. Semua saya dah urus siap dah. Jadi cuma tunggu depa..orang sampai ja saya ambil. Bila saya ambil orang saya terus saya bawak masuk dalam beca terus mai di Lumut Lane ni”

(Temu bual dengan Abdul Aziz Wahab pada 9 November 2021)

Pengalaman sebagai kerani pejabat haji

Menetap di Kampung Herriot, Jalan Burma, Pulau Pinang, Abd. Halil pernah bekerja sebagai kerani di pejabat tiket kapal haji pada tahun 1970 ketika berusia 19 tahun selama 3 tahun. Pada awal penubuhannya, pejabat tiket berkenaan beroperasi di Lebuh Buckingham sebelum berpindah ke Lebuh Aceh. Pengalaman yang dimilikinya ini dinyatakan seperti berikut:

“Saya tak dak gaji. Saya bekerja tak dak gaji. Cuma dapat komisyen tulis passport ja. Satu passport komisyen dia lima kupang, masa tu la. Masa tahun 70 tu la lima kupang...Jadi saya nak cerita sikit bahagian berkenaan dengan tiket haji ni lah..Dalam kami tu ada seorang cashier, seorang chief clark, ada empat lima orang kerani...Nama depa yang saya masuk masa tu cc dia kami panggil dia Pak Nordin kat dia...Encik Nordin la. Yang cashier tu Syed Abu Bakar...Kami ni kerani ni duduk kat luar tulis passport. Dia bermula lagi dua bulan atau tiga bulan kapal haji nak beroperasi, masa tu la saya pi kerja. Pi kerja tunggu passport mai dari Kuala Lumpur. Sampai passport dari Kuala Lumpur, passport dia bukan international passport. Dia guna satu passport hijau. Kaler hijau tu, dalam tu semua maklumat ada la..nama jemaah apa semua dengan dengan cop visa Arab. Bila sampai kat pejabat ni kami ikut la depa punya nama. Nama dia apa semua, pas dekat cc, cc nanti arrange dengan cashier, cashier akan bawa keluar tiket”

(Temu bual dengan Abd. Halil Mohamed Noor pada 19 Oktober 2021).

Pengalaman menyaksikan suasana di Lebuh Aceh dan pelabuhan semasa musim haji

Dilahirkan pada 22 November 1944, Halijah Haji Hashim merupakan anak kepada Imam Masjid Lebuh Aceh, iaitu Haji Hashim Haji Md. Ariff. Beliau berpengalaman menyaksikan suasana musim haji di Lebuh Aceh dan di pelabuhan berlepas iaitu Pulau Pinang kerana menetap di No. 73, Lebuh Aceh ketika berusia sekitar 10 tahun. Pengalaman yang dimilikinya ini dinyatakan seperti berikut:

“Musim haji ramai la. Belah utara sana kan, Kelantan, Terengganu, Perak, Perlis semua turun mai sini. Depa mai berhimpun di sini la sebelum kapal bertolak depa mai berhimpun di sini. Rumah ni pun orang duduk juga, orang sewa di atas. Rumah sebelah ni. Rumah Syed Salim rumah hijau tu. Rumah sebelah tu...Rumah Sharifah Intan..Rumah ni bila depa terdesak sangat depa minta la nak duduk satu dua malam sebab sini dah ada orang sewa dah...Jual jual makan, jual pakaian..ramailah. Ramai...lepas tu bersesak-sesak. Haa nak naik kapal tu pun susah nak naik..tangga tu kan. Jadi sebelum bertolak daripada pelabuhan tu depa bang, depa bang, azan kan. Sedih, pelan-pelan kapal tu berjalan kan..bawa dengan makanan, dengan peti tu kan, peti sahara. Tengok la kan depa dok ikat-ikat...dok packing packing. Penuh, penuh, siang malam hingga depa tak tidur. Duduk lagu tu je la. Bersembang, riuh rendah la”

Pengalaman melihat suasana perniagaan di perkarangan Masjid Lebuh Aceh

Dilahirkan pada 10 Februari 1947 di No. 51, Lebuh Aceh menyebabkan Mohd. Adnan berpeluang melihat suasana perniagaan di perkarangan Masjid Lebuh Aceh semasa berlangsungnya musim haji semasa era kapal laut. Pengalaman yang dimilikinya ini dinyatakan seperti berikut:

“Bila mai musim haji di sini, dulu kereta sorong yang banyak jual. Orang Melayu tak banyak buat bisnes lagi. Dulu kedai-kedai makan tak ada. Yang ada kedai makan di Lumut Lane...Pak Yunus orang Padang, Pak Yunus Nasi Padang. Tapi awal pada tu memang banyak kedai nasi Padang di sini. Kedai makan...Alwi Rawa tu kedai kain. Depa bukan jual ela-ela, depa jual bundle. Kalau mai musim haji penuh ni..apa ni kereta sorong. Orang jual mee goreng. Depa buka di sini sampai belakang rumah Pak Haji Ariffin sampai mai ke rumah saya. Masa tu mana ada kereta keluar masuk kat kampung kita ni. Cuma ada lori bawa jemaah haji je la. Orang berniaga orang luar yang biasa-biasa dok berniaga di town ni. Bila datang musim haji pakat-pakat datang mai book tempatlah. Kalau macam esok kapal nak belayar atau dua tiga hari lagi (berniaga) sampai tengah-tengah malam sampai ke pagi...Orang jual ubat minyak-minyak gosok ni la. Pastu ada persembahan, silap silap mata. Dia promosi ubat dia kemudian selit-selit dengan silap mata”

(Temu bual dengan Mohd Adnan Boerhanoeddin pada 23 November 2021).

Pengalaman sebagai Anak Syeikh Haji

Syed Salim Ali Al-Mufathal yang dilahirkan pada tahun 1949 merupakan anak kepada seorang syeikh haji yang terkenal di Pulau Pinang semasa era kapal laut iaitu Ali Al-Mufathal. Beliau dilahirkan di No. 67, Lebuh Aceh dan dibesarkan di situ sehingga

berusia 12 tahun sebelum berpindah ke Kelawai, Jalan Burma. Pengalaman yang dimilikinya ini dinyatakan seperti berikut:

“Walaupun saya tinggal di Kelawai, saya selalu berulang-alik ke Lebuh Aceh sampailah tamat pelayaran haji tahun 1976. Maka berakhirlah di situ. Jadi saya selalu mengikut ayah saya ke pejabat haji dan duduk di situ. Pagi-pagi saya akan ikut ayah saya dan balik sekolah saya akan duduk di pejabat ayah saya...Saya duduk di situ saya dok tengok syeikh-syeikh haji dok buat kerjalah. Saya dok tolong-tolong jugaklah apa ni sticker bubuh dekat peti sahara...lekat lekat, saya tolong saya tolong dok bubuh gam lekat. Guni yang depa diorang bawa beras tu kita ni...macam tu sajalah...Jadi kawan-kawan saya yang sama umur dengan saya depa pandailah ikat peti sahara ni. Peti sahara ni dia kena ada skill ikat tu. Dia kena banyak pintal dia. Dan dia kalau sorang-sorang tak boleh buat. Kena dua. Pasai pa peti sahara ni akan dibaling dalam perut kapal. Kalau tak ikat betil-betul, hancur teruih dan dalam tu macam tadi kata segala periuk, segala macam-macam bawa”

(Temu bual dengan Syed Salim Ali Al-Mufathal pada 23 November 2021).

Cabaran pengaplikasian metod sejarah lisan

Melakukan kajian sejarah haji melalui pendekatan sejarah lisan bukanlah satu perkara yang mudah untuk dilakukan. Hal ini kerana, pengkaji sukar untuk mengenalpasti dan mencari serta menemubual responden yang menjadi saksi mata kepada peristiwa haji semasa era kapal laut. Perubahan masa juga menyebabkan hanya sebilangan kecil sahaja daripada mereka yang masih hidup serta dapat dikesan. Perkara ini diburukkan lagi apabila informan yang ditemubual sudah lanjut usianya menyebabkan mereka berhadapan dengan masalah kesihatan, sekaligus menyukarkan pengkaji mendapatkan maklumat melalui temu bual yang dijalankan.

Permasalahan juga mungkin berlaku sekiranya ahli keluarga informan yang tiada bersama ketika proses temu bual dijalankan enggan membenarkan rakaman temu bual dikaitkan dengan informan, meskipun informan tidak mempunyai sebarang masalah serta bantahan dengan rakaman serta maklumat yang dikongsikan. Perkara tersebut berlaku kerana ahli keluarga tidak mengetahui secara jelas bagaimana temu bual berlaku dan tujuan temu bual dijalankan disebabkan mereka tidak berada di tempat temu bual dijalankan. Walaupun penyelidik berusaha untuk menjelaskan tujuan serta proses yang berlaku, namun keengganan ahli keluarga terbabit untuk berkomunikasi melalui panggilan telefon menyebabkan penjelasan sukar dilakukan. Meskipun begitu, perkara seperti ini sangat jarang berlaku dan pengkaji mengalaminya hanya sekali sepanjang pengkaji melakukan kajian sejarah lisan sejak tahun 2006.

Peluang pengaplikasian metod sejarah lisan

Kajian sejarah lisan haji era kapal laut sebenarnya mempunyai potensi serta peluang untuk diketengahkan sebagai sumber dokumentari. Perkara ini disebabkan peristiwa haji begitu dekat dengan kehidupan orang Melayu sehinggakan boleh dianggap sebagai sub-budaya dalam kehidupan mereka. Perhatian yang cukup mendalam diberikan oleh orang Melayu terhadap ibadah haji menyebabkan isu haji era kapal laut boleh diangkat dalam dokumentari sejarah yang disiarkan kepada masyarakat. Setakat ini, sejarah haji era kapal laut yang pernah disiarkan di Malaysia melibatkan kajian pengkaji ialah ‘Merentas Samudera ke Nusantara’ yang disiarkan oleh Astro Oasis pada tahun 2022

serta 'Haji Dulu-dulu' yang disiarkan oleh RTM pada tahun yang sama. Selain itu, kajian sejarah haji berdasarkan pendekatan sejarah lisan juga pernah disiarkan dalam 'Jejak Rasul' tahun 2023.

Justeru, pendokumentasian sejarah lisan haji sebenarnya berpotensi untuk mengangkat industri pelancongan warisan di Malaysia khususnya Pulau Pinang kerana kedudukannya sebagai pelabuhan haji utama di Asia Tenggara suatu ketika dahulu. Sekiranya dirancang dengan baik dan mendapat kerjasama daripada pelbagai pihak, maka sejarah lisan haji ini boleh dijadikan salah satu produk pelancongan warisan. Perkara ini boleh dilakukan kerana tindakan sama dilakukan oleh kerajaan Singapura dengan mempamerkan sejarah haji dalam bentuk yang interaktif di Istana Kampung Gelam, Singapura bagi membolehkan pengunjung tempatan dan luar negara menghayati sejarah haji di kampung tersebut. Makanya, Galeri Haji di Lebuh Aceh, Pulau Pinang boleh mengambil inisiatif daripada galeri haji di Kampung Gelam bagi membolehkan galeri berkenaan berfungsi dengan lebih aktif sebagai pusat saluran maklumat berhubung sejarah dan warisan haji di Malaysia.

Kesimpulan

Pengumpulan memori sejarah melalui metod sejarah lisan merupakan suatu usaha yang amat penting dan perlu ditangani dengan serius. Tugas mengumpul dan mendokumentasi sejarah lisan bukanlah dilakukan semata-mata kerana perasaan ingin tahu, sebaliknya usaha tersebut perlu digembeling bagi memelihara tradisi dan sejarah lampau untuk terus dikenali, difahami dan dihayati oleh generasi terkemudian. Perubahan zaman akan membawa kepada peralihan tradisi, dan sudah pasti tradisi baru akan mengambil tempatnya. Justeru, seandainya tradisi dan sejarah lampau tidak dicatat dan didokumenkan, maka ianya akan hilang selamanya dan peluang untuk mengkaji dan memahami kerajinan, kecerdasan dan kreativiti manusia akan ditelan zaman.

Sementara itu, pendokumentasian sejarah lisan juga berupaya membawa pemahaman masyarakat terhadap khazanah budaya bangsa yang cukup rencam dan kaya sifatnya. Pendokumentasian sejarah lisan seharusnya disebarluaskan kepada masyarakat dalam pelbagai bentuk perkongsian seperti wacana, syarahan, penerbitan dan pada masa yang sama ianya juga boleh diterbitkannya untuk tujuan akademik. Bagi mencapai objektif yang berkesan, usaha pendokumentasian sejarah lisan perlu dilakukan secara sistematik supaya memori kolektif yang dikumpulkan boleh digunakan bagi tujuan pendidikan dan pembelajaran, sekali gus dijadikan panduan serta iktibar dalam kehidupan masyarakat pada masa kini. Bagi sejarah dan warisan haji era kapal laut, saksi mata atau pelaku yang terlibat serta mengalami atau menyaksikan sendiri peristiwa tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung sudah semakin hilang berikutan kematian serta keuzuran individu-individu terbabit. Perkara ini memerlukan perhatian serius daripada pelbagai pihak kerana tanpa usaha pendokumentasian yang serius dan sistematik sudah pasti sejarah dan warisan ini akan hilang bersama hilangnya pelaku sejarah berkenaan.

Penghargaan

Kajian ini telah dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi di bawah geran Fundamental Research Grant Schem (FRGS) dengan kod: FRGS/1/2021/SSI0/USM/02/4 dan Geran Penyelidikan Agensi Luar dengan kod 304/PHUMANITI/6501171/Y115 yang dibiayai oleh Yayasan Islam Pulau Pinang.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Adnan, I.M.M. (2011): A history of the Acheen Street Malay enclave from oral history accounts. – *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 85(1): 1-44.
- [2] Bryman, A. (2016): *Social research methods*. – Oxford University Press 747p.
- [3] Majid, H.A. (1926): A Malay's pilgrimage to Mecca. – *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 4(2): 269-287.
- [4] Musa, M., Maslan, A., Rahim, H.A. (2018): Penang's hajj heritage: An oral history of the sea transportation era. – *Kajian Malaysia* 36(2): 147-178.
- [5] Osman, M.T. (1982): *Manual for collecting oral tradition, with special reference to South East Asia*. – Dewan Bahasa dan Pustaka 92p.
- [6] Robson, C. (2024): *Real world research*. – John Wiley & Sons 704p.
- [7] Salleh, M.H., Musa, M. (Eds.) (2016): *Masyarakat Melayu Pulau Pinang Dalam Arus Sejarah*. – Penerbit USM 188p.
- [8] Seidman, I. (2006): *Interviewing as qualitative research: A guide for researchers in education and the social sciences*. – Teachers College Press 162p.
- [9] Tagliacozzo, E. (2013): *The longest journey: Southeast Asians and the pilgrimage to Mecca*. – Oxford University Press 368p.
- [10] Vansina, J.M. (1985): *Oral tradition as history*. – Univ of Wisconsin Press 283p.